Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Ahad, 7 Februari, 1982

# UMNO tak melatah demi jaga keutuhan

SAMBUNGAN DARI MUKA 6

lah suatu agama yang pragmatis. Dan kalau kita pragmatis dalam cara kita bertindak, ini adalah suatu cara yang sesuai dengan kehendak Islam.

UMNO adalah sebuah badan yang pragmatis, yang sederhana liberalnya, berasas kepada kebangsaan Melayu, yang mana kebangsaan ini adalah secocok dengan Islam.

**■ Kata setengah ahli teori, baik di universiti atau di kampung, kita perlu mempunyai sebuah parti pembangkang Melayu yang kuat sebagai alternatif kepada UMNO atau untuk mengcek kuasa. Perlukah?**

PM:

Orang yang hendak membangkang semata-mata kerana hendak membangkang adalah orang yang tidak berfikiran.

Dalam agama Islam, kita dikehendaki mengikut sesuatu bukan kerana orang yang memimpin kita, tetapi kerana aliran yang dibawanya. Sekalipun seorang yang jahat menyuruh kita membuat ibadat sembahyang, kita patut mengikut suruhan itu. Tetapi, sebaliknya, jika seorang yang baik menyuruh kita malakukan sesuatu yang dilarang oleh Islam, kita tidak boleh mengikutinya.

Jadi, yang penting ialah perbuatan, bukan orang yang menyuruh berbuat.

Berbalik kepada UMNO, jika kita hendak menentang seseorang itu hanyalah kerana dia orang UMNO, maka jelaslah bahawa kita tidak faham kehendak-kehendak agama kita sendiri.

Kita tidak mengira siapa, sekalipun UMNO, jika ia menyuruh membuat sesuatu yang ditegah, patutlah ditentang. Tetapi, jika ia menyuruh kita membuat baik, walaupun kita tidak suka kepada UMNO, kita harus mentaatinya.

Sekali lagi saya tegaskan, bahawa yang penting di sini ialah apa yang disuruh, bukannya orang yang menyuruh.

Jika kita hendak menentang UMNO semata-mata kerana hendak mengadakan tentangan, walaupun UMNO berbuat baik, ini menunjukkan yang kita ini suntuk fikiran dan tidak faham dengan kehendak-kehendak agama dan juga tidak faham apa yang baik bagi masyarakat kita.

**■ Di akhir-akhir ini kita mendengar berbagai tuntutan dari salah satu parti komponen Barisan Nasional. Tidakkah ini boleh menimbulkan masalah perpaduan dan menjejaskan kedudukan Barisan Nasional?**

PM:

Tuntutan-tuntutan itu dibuat kerana desakan-desakan tertentu. Kalau kita melatah dalam cara menguruskan masalah itu, akibatnya perpecahan akan berlaku.

Tiap suatu masalah boleh diuruskan mengikut budibicara dan kecekapan. Dan, kita harus gunakan budibicara ini tanpa terdorong oleh nafsu dan latah. Sebarang cakap-cakap atau kata-kata yang tidak berhati-hati, boleh menambah kemusykilan yang sudah pun wujud.

Sebab itu, dalam perkara seumpama ini, kita perlu faham cara menguruskannya atau pun cara membedungnya. Maka perpecahan tidak akan berlaku.

**■ Apakah prospek parti-parti politik dalam pilihanraya yang dijangka berlangsung tidak lama lagi? Bolehkah Barisan Nasional khasnya, mempertahan atau menambah bilangan kerusinya?**

PM:

Kita boleh pertahankan kerusi-kerusi yang ada dalam tangan kita. Kita yakin boleh mendapat kemenangan lebih dari cukup untuk mendirikan kerajaan.

beliau.